

**BAHAGIAN B
(30 markah)****Soalan 21**

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

pada	untuk	bagi	demi
akan	dalam	kepada	antara

Kelab Alumni berfungsi sebagai penyokong _____ Persatuan Ibu

Bapa dan Guru-guru (PIBG). Selain itu, Kelab Almuni berfungsi _____ merapatkan jurang _____ bekas-bekas pelajar, guru-guru serta badan PIBG itu sendiri. Kelab Almuni sedia memberi sebarang bantuan kepada pihak sekolah _____ kebaikan bersama. Pelbagai aktiviti bermanfaat dijalankan dan dapat memberi inspirasi dan contoh yang baik kepada pelajar.

(4 markah)


Soalan 22

- a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Jawapan : Rancangan Laluan Sutera itu disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

(2markah)

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah ini.



Mustafa : **Sejak bilakah kamu mempunyai hobi memancing, Ramli?**

Ramli : _____



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

(2 markah)

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Keistimewaan sejarah yang terdapat di Teluk Intan ialah Menara Condong. Menara ini terletak di Jalan Selat bersebelahan dengan Jalan Pasar dan sudah berusia lebih daripada seratus tahun. Bangunan ini dikenali sebagai Jam Tinggi sewaktu mula-mula dibina pada tahun 1885. Jam yang dimaksudkan, masih berfungsi hingga kini.

Menara ini ialah menara condong yang kedua selepas Menara Pisa di Itali. Menara ini dibina oleh Choong Cheong atau Ah Cheong, pemborong yang mendapat inspirasi reka bentuk pagoda di negara China. Pada mulanya menara ini dibina bertujuan untuk menempatkan tangki bagi mengisi air.

Menara ini menjadi condong disebabkan beberapa perkara. Pada tahun 1889 dan 1895, banjir besar berlaku di Teluk Anson dan menenggelamkan menara ini. Malapetaka inilah yang menjadi punca menara ini condong. Selain punca tersebut, menara ini juga dibina di atas tanah gambut dan menyebabkan menara ini condong sedikit demi sedikit.

Bangunan ini mempunyai 110 anak tangga yang menghubungkan setiap aras yang setinggi lima meter. Bangunan ini sebenarnya terdiri daripada tiga tingkat walaupun pada pandangan awam kelihatan seperti tujuh tingkat. Bahan yang digunakan untuk membuat bangunan ini ialah batu dan kayu. Memandangkan keunikan bangunan ini yang menjadi mercu tanda bandar Teluk Intan, maka wajarlah bangunan ini dipelihara.

a. Bangunan seakan-akan Menara Condong terdapat di negara _____

(1 markah)

b. Menara Condong itu condong sedikit demi sedikit kerana _____

(2 markah)

c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Menara Condong terletak di Jalan Selat itu telah berusia 100 tahun.

Menara itu dibina untuk menempatkan tangki mengisi air.

100 anak tangga dibina bagi menghubungkan setiap aras yang setinggi 5 meter.

Bahan yang digunakan untuk membuat bangunan itu ialah batu, besi dan kayu.

betul

salah

(2 markah)

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Insan yang selalu mendampingi aku ketika diri ini berada dalam kesusahan mahu pun dalam situasi gembira selain ibu bapa ialah sahabat karib. Aku mempunyai seorang sahabat karib yang amat baik budi pekertinya. Dalam ruangan muka buku ini, aku ingin berkongsi cerita dengan rakan-rakan tentang sahabat karib yang aku kenali semenjak kecil lagi. Nadira berkulit cerah dan mempunyai paras rupa yang agak cantik, comel lote. Dia sebaya dengan aku, kami telah berkawan sejak dari kecil dan tinggal sekampung.

Nadira seorang kawan yang penyabar, penyayang, peramah dan amat rajin belajar. Dia sudi dan sanggup mendengar segala masalah yang melanda diriku. Dia sangat prihatin untuk menghulurkan pertolongan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang aku alami. Aku berasa gembira sungguh setiap kali menerima pertolongan daripadanya. Kami sering berkongsi suka duka kehidupan. Dia sanggup mengorbankan masa lapangnya untuk mengajar dan membimbing aku sehingga aku mahir dan dapat memahami sesuatu topik atau subjek yang sukar untuk aku menguasainya.

Peristiwa yang tidak boleh aku lupakan dalam sejarah hidup ini ialah pengorbanannya yang agak besar untuk diriku. Peristiwa tersebut masih segar terpahat dalam kotak minda aku seolah-olah perkara itu baru terjadi semalam. Semasa aku dan kawan-kawan sekelas sedang bermain hoki di padang sekolah tiba-tiba, seorang pemain telah merempuh aku secara tidak sengaja dengan rempuhan yang kuat sehingga menyebabkan aku tersungkur dan tersembam. Kaki kanan aku tergeliat, kedua-dua bahagian lutut aku luka, berlumuran dengan darah. Aku tidak dapat lagi menahan kesakitan ketika itu, aku hanya mampu menangis.

Kawan karib aku memapah aku keluar padang. Dia merawat lutut aku dengan cermat. Aku dibawa oleh guru bertugas mingguan ke klinik untuk mendapatkan rawatan lanjut. Aku diizinkan pulang dan berehat di rumah oleh Guru Besar. Nadira menolong mengangkatkan beg sekolah aku dan menemani aku pulang ke rumah. Aku berasa sungguh terharu. Tiba sahaja di rumah, aku mengucapkan terima kasih kepadanya. Dia hanya tersenyum dan terus kembali ke sekolah semula bersama-sama Cikgu Nurhawati, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah kami. Keesokan harinya, dia datang menjenguk aku untuk mengajar aku pelajaran yang tidak dapat aku ikuti di sekolah. *Perbuatan itu diulanginya* sehingga aku sembah semula.

Terlalu banyak kenangan manis yang telah aku pelajari daripada persahabatan ini. Mempunyai teman yang baik akan membawa kebahagiaan dalam hidup kita. Kawan yang baik dapat meleraikan sedikit sebanyak masalah yang kita hadapi. Aku juga telah menyelami erti sebuah persahabatan, kasih sayang, sikap saling menghormati dan faham-memahami. Hidup seseorang itu tidak akan menjadi sunyi dan sepi jika adanya kawan karib yang sanggup

berkongsi susah senang dalam kehidupan ini. Aku berasa bertuah kerana mendapat seorang kawan yang setia dan baik hati.

a. Apakah hubungan penulis dengan Nadira? _____
(1 markah)

b. Bagaimanakah penulis boleh mengalami kecederaan serius ketika bermain hoki?

(2 markah)

c. Mengapakah penulis begitu menyenangi Nadira?

(2 markah)

d. Pada pendapat kamu, apakah pengertian sahabat karib?

(3 markah)

Soalan 25

Baca pantun di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya,

*Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing belang;
Ilmu pengetahuan penyuluhan diri,
Agar menjadi insan terbilang.*

*Dalam semak ada duri,
Ayam kuning buat sarang;
Jangan kita meninggi diri,
Agar tidak dibenci orang.*

*Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan;
Hendaklah kita banyak bersabar,
Agar kita disenangi rakan.*

*Sorong papan tarik papan,
Buah keranji dalam perahu;
Nasihat guru jangan dilupakan,
Agar hidup sentiasa berilmu.*

- a. Mengapakah kita dilarang meninggi diri ?

(2 markah)

- b. Apakah yang perlu kita lakukan jika ingin disenangi oleh rakan ?

(2 markah)

- a. Tandakan (**I**) bagi pernyataan yang betul dan (**X**) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

Kita hendaklah sentiasa bersabar menghadapi cabaran dan dugaan.

Malas belajar menjadikan kita orang yang terbilang.

(1 markah)

- b. Terangkan maksud baris-baris pantun di bawah.

Nasihat guru jangan dilupakan,
Agar hidup sentiasa berilmu.

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT